

TARIKH: 1/1/2023
SURAT KHABAR: KOSMO
MUKA SURAT: 12

Perkeso buat pembayaran tuntutan lebih RM10.83 juta kepada individu yang layak

4,016 pencarum terima manfaat SKSPS

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

PETALING JAYA - Kira-kira 4,016 orang bekerja sendiri (OBS) telah menerima manfaat daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) selepas mereka menyertai Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) sehingga Oktober lalu.

Daripada jumlah tersebut, pihak Perkeso telah membuat pembayaran tuntutan lebih RM10.83 juta melibatkan tuntutan hilang upaya sementara, hilang upaya kekal, faedah orang tanggungan, pengurusan jenazah, perubatan, elaun layanan sentiasa dan faedah pemulihan.

Ketua Pegawai Komunikasi dan Hal-Ehwal Korporat Perkeso, Izad Raya berkata, berdasarkan statistik tahun lalu, seramai 3,409 OBS telah membuat tuntutan kerana hilang upaya diikuti faedah orang tanggungan (331) dan tuntutan hilang upaya kekal sebanyak 165 kes.

Jelas Izad, angka itu menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya iaitu hanya 1,983 OBS yang menuntut.

"Di sini kita dapat lihat bahawa pentingnya OBS mencarum SKSPS sebagai langkah ketersediaan sekiranya berlaku kemalan-



KUMPULAN penghantar makanan sangat digalakkan untuk menyertai SKSPS bagi memastikan mereka dilindungi sekiranya kehilangan sumber pendapatan. - GAMBAR HIASAN

gan terhadap diri mereka. Apabila mereka mencarum, OBS akan dilindungi jika berlaku sesuatu yang menyebabkan mereka putus sumber mata pencarian.

"Selain itu, ia dapat meringankan bebanan kewangan mereka jika berlaku keilatan dan skim ini akan menjadi sumber kewangan

utama ataupun sampingan bagi waris sekiranya berlaku kematian terhadap pekerja sendiri yang pencarum SKSPS atau orang berinsuran," katanya kepada *Kosmo* *Ahad!*.

Terbaharu kata Izad, menerusi SKSPS, Perkeso telah membantu sebuah keluarga yang ke-

hilangan ketua keluarga akibat disengat tebuhan ketika bekerja di sebuah kebun milik mangsa pada 9 Disember lalu.

Menariknya, mangsa baharu sahaja mencarum dengan SKSPS di bawah SPS Tani, satu inisiatif program SPS Padanan Caruman seminggu sebelum kejadian.

Kata beliau, menerusi SPS Tani, petani atau pengusaha ladang dan tanaman hanya membayar 20 peratus daripada jumlah caruman Pelan 2 SKSPS iaitu RM46.60 untuk perlindungan setahun, manakala kerajaan membiayai selebihnya, sebanyak RM186.20 (80 peratus).

"Hasil semakan, Perkeso mendapati bahawa mangsa dilindungi di bawah Pelan 2 SKSPS, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (Akta 789).

"Ini melayakkan balu Allahyarham, Salina Mat Ali dan ketiga-tiga anak beliau yang berusia bawah 21 tahun menerima Faedah Pengurusan Mayat (FPM) sebanyak RM2,000 dan Faedah Orang Tanggungan (FOT) yang berjumlah RM1,395 sebulan.

"Bayaran FPM dibayar sekali, manakala bayaran FOT adalah setiap bulan. Salina akan menerima bayaran FOT seumur hidup sementara anak-anak sehingga mereka mencapai usia 21 tahun atau berkahwin atau tamat pengajian Ijazah Pertama,"ujarnya.

Izad berkata, sehingga kini seramai 690,076 OBS telah mencarum SKSPS dan 313,642 adalah mereka yang menyertai skim ini menerusi SPS Padanan Caruman sejak Januari lalu.